

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN SIM TONG HIM  
[KOTA MELAKA ]**

**TARIKH : 1 APRIL 2014 (SELASA)**

**SOALAN :**

**Tuan Sim Tong Him [ Kota Melaka ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tentang pemantauan dan pengawalan projek-projek MEGA yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri:-

- (a) jabatan manakah yang bertanggungjawab ke atas kerja ini; dan
- (b) sejak tahun 2008, berapa buah projek MEGA negeri yang telah ditolak oleh Kerajaan Persekutuan.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Di-Pertua,

Pada masa ini, Kerajaan Negeri boleh merancang dan melaksanakan projek yang berdaya saing dan berdaya maju serta mendatangkan manfaat kepada ekonomi dan rakyat negara tanpa merujuk kepada Kerajaan Persekutuan. Justeru, pelaksanaan projek tersebut biasanya dipantau dan dikawal secara langsung oleh Kerajaan Negeri berkenaan. Bagi Negeri Melaka contohnya, pemantauan dibuat melalui jabatan teknikal berkaitan seperti Unit Perancang Ekonomi Negeri, Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah, Jabatan Tanah dan Galian Negeri, Jabatan Alam Sekitar dan Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Melaka.

Walau bagaimanapun, bagi projek-projek negeri yang mendapat pembiayaan dari Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri diminta melaporkan kemajuan pelaksanaan projek-projek berkaitan. Di samping itu, Kerajaan Negeri perlu mendapat kelulusan Kerajaan Persekutuan bagi projek-projek seperti berikut:

- i. Projek yang melibatkan pelaburan asing (sektor pembuatan dan perkhidmatan) yang perlu mendapatkan kelulusan MIDA;
- ii. Projek yang memerlukan pembiayaan melalui pinjaman dari Kerajaan Persekutuan perlu mendapatkan kelulusan Kementerian Kewangan;

- iii. Projek yang memerlukan insentif khas dan cukai perlu mendapat kelulusan pihak Kementerian Kewangan dan MIDA;
- iv. Projek yang mempunyai kesan terhadap alam sekitar perlu mendapatkan penilaian *Environment Impact Assessment (EIA)* daripada Jabatan Alam Sekitar;
- v. Pembinaan projek perlu mematuhi panduan dalam Rancangan Tempatan Daerah dan Pelan Induk Rancangan Fizikal Negara yang diselaras oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa;
- vi. Projek-projek infrastruktur yang menghubungkan sesebuah negeri dengan negara luar seperti cadangan jambatan dari Melaka ke Sumatra, Indonesia.
- vii. Penyediaan perkhidmatan Kerajaan di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan perlu mendapat kelulusan daripada kementerian, agensi dan jabatan yang berkenaan, seperti pendidikan, keselamatan, pengangkutan, immigresen dan kastam; .
- viii. Projek yang dilaksanakan tidak melibatkan bidang kuasa yang telah ditetapkan sebagai senarai Kerajaan Persekutuan di bawah Perlembagaan Malaysia; dan
- ix. Projek memerlukan kelulusan perlesenan tertentu di bawah kuasa Kerajaan Persekutuan, contoh lesen mengendalikan pelabuhan, hospital, utiliti air dan elektrik dan komunikasi.

Kerajaan Persekutuan sentiasa bekerjasama dengan Kerajaan Negeri untuk memastikan pembangunan negara di seluruh negara termasuk di peringkat negeri. Kerajaan Negeri boleh

melaksanakan projek yang dicadangkan sekiranya mempunyai kemampuan kewangan sendiri dan tidak memerlukan bantuan kewangan Kerajaan Persekutuan serta memenuhi semua syarat dan keperluan yang ditetapkan.

Sekian, terima kasih.